

22 MAY 2000

Mahkamah-Hasutan

PENCETAK HARAKAH DIDENDA RM4,000 KERANA CETAK BERITA HASUTAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Pencetak akhbar Harakah, Chea Lim Thye hari ini didenda RM4,000 atau penjara dua bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini setelah mengaku bersalah terhadap tuduhan mencetak berita berunsur hasutan.

Chea, 62, dituduh mencetak berita berhubung konspirasi polis dan Peguam Negara dalam kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim di dalam artikel bertajuk "Liputan pengakuan Sukma hina dan jahat - Dr Chandra" yang disiarkan di akhbar rasmi PAS itu pada 2 Ogos tahun lepas di muka surat 40.

Berita itu merujuk kepada pengakuan adik angkat bekas timbalan perdana menteri itu, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, yang beliau diliwat oleh Anwar tetapi Sukma kemudiannya menarik balik pengakuan itu kerana mendakwa polis memaksanya untuk membuat pengakuan itu.

Perenggan yang didakwa berunsur hasutan dalam artikel itu berbunyi "Adalah memalukan bahawa elemen-elemen dalam pasukan polis, pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau".

Chea yang mengaku melakukan kesalahan itu di Lot 9, Jalan 51A/243, Petaling Jaya, Selangor, membayar denda itu.

Hari ini telah ditetapkan untuk perbicaraan kes Chea dan editor Harakah, Zulkifli Sulong yang menghadapi tuduhan menerbit berita yang sama. Bagaimanapun, Chea yang sebelum ini minta dibicarakan terhadap tuduhan itu, menukar pengakuannya kepada bersalah hari ini.

Mengikuti fakta kes yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Abdul Rahman Mohd Redza, pegadu kes itu, Mohd Tajudin Tambi Abdul Wahib selaku Ketua Bahagian Pencetakan, Jawatankuasa Petugas Menandingi Fitnah Majlis Tertinggi Umno telah membuat satu laporan polis mengenai artikel itu pada 20 Ogos tahun lepas.

Abdul Rahman berkata hasil siasatan polis mendapati bahawa edisi Harakah bertarikh 2 Ogos tahun lepas itu telah dicetak oleh Syarikat Prema, dan pemegang lesen percetakan bagi syarikat itu adalah Chea.

Ketika merayu hukuman ringan, peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Chea, memohon mahkamah membebaskan Chea dengan ikat jamin berkelakuan baik selama tiga tahun atau memberikan hukuman denda.

Beliau berkata mengikut amalan industri percetakan, seseorang pencetak tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyemak segala isi kandungan bahan-bahan yang hendak dicetaknya kerana ianya dihantar kepada pencetak pada waktu malam dan dikehendaki selesai dicetak sebelum waktu subuh hari berikutnya.

Wong berkata pencetak akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada pelanggannya sekiranya terdapat kelewatan dalam pencetakan itu.

"Dalam kes ini, Chea merupakan seorang yang berpendidikan sekolah Cina sehingga darjah enam sahaja yang tidak fasih dalam Bahasa Melayu. Oleh itu Chea tidak berkemampuan secara peribadi untuk menyemak bahan-bahan cetakan dalam Bahasa Melayu.

Katanya, Chea juga tidak terlibat secara langsung dalam pencetakan itu yang dilakukan pada sebelah malam kerana ketika itu dia telah balik ke rumahnya.

Wong berkata Chea hanya mencari nafkah hidup sebagai seorang pencetak untuk menyara hidup dua anaknya, tanpa sebarang motif atau niat untuk melakukan kesalahan itu.

Beliau berkata Chea juga menghadapi enam tuntutan sivil kerana pencetakan bahan-bahan berunsur fitnah dan kemungkinan Chea akan menghadapi tindakan muflis oleh pihak plaintif dalam tuntutan sivil itu sekiranya Chea didapati bertanggungjawab dalam kes fitnah itu.

Hakim Khadijah Idris, ketika menjatuhkan hukuman itu, berkata beliau

berpendapat bahawa hukuman denda itu adalah sesuai dalam kes Chea dan hujah Wong supaya Chea dibebaskan dengan ikat jamin berkelakuan baik adalah tidak sesuai.

Sementara itu, Khadijah menangguhkan sehingga Khamis ini (25 Mei) perbicaraan kes Zulkifli setelah membenarkan permohonan peguamnya Aimi Zaini Mohd Azhar yang memberitahu pihaknya masih belum menerima jawapan daripada Jabatan Peguam Negara berhubung satu representasi yang dihantar kepada jabatan itu Jumaat lepas.

Perkara itu telah disahkan oleh Abdul Rahman.

Sebelum itu, Khadijah juga memutuskan bahawa beliau akan mendengar perbicaraan kes Zulkifli dan mengambil maklum serta merekodkan dua perkara yang dibangkitkan Aimi Zaini termasuk isu sama prejudis timbul apabila mahkamah (yang telah menjatuhkan hukuman terhadap Chea) mendengar kes Zulkifli.

Khadijah berkata bahawa prejudis tidak akan timbul dalam hal itu.

Bagi perkara kedua yang dibangkitkan oleh Aimi Zaini iaitu sama ada Chea akan dipanggil sebagai saksi pendakwa untuk memberi keterangan dalam kes Zulkifli, ianya telah disahkan oleh Abdul Rahman yang memberitahu pihaknya bercadang untuk memanggil Chea.

Zulkifli, 37, yang juga diwakili peguam Zamani Ibrahim dan Hasnan Hamzah, dituduh menerbit berita berunsur fitnah itu di No 28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang, di sini.

Dia didakwa mengikut Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4 (1) akta yang sama yang membawa hukuman maksimum penjara tiga tahun, denda atau tidak melebihi RM5,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA

JA RHM